



# KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

## **148 PEMBAYAR CUKAI DI NEGERI SABAH TELAH MEMBUAT PENGAKUAN SUKARELA**

Kota Kinabalu, 21 Disember 2018 – Sehingga 20 Disember 2018, sebanyak 148 pembayar cukai daripada pelbagai kategori di Negeri Sabah telah membuat pengakuan sukarela di bawah Program Khas Pengakuan Sukarela (PKPS) yang ditawarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM). Bilangan ini melibatkan cukai tambahan dan penalti yang ditaksir sekitar RM8.1 juta. Daripada jumlah ini, 87 kes pengakuan sukarela direkodkan oleh LHDNM Cawangan Kota Kinabalu dengan amaun cukai tambahan dan penalti ditaksirkan sekitar RM7.1 juta.

Perkara demikian dimaklumkan oleh YBhg. Dato' Sri Sabin Samitah, Ketua Pegawai Eksekutif, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) selepas menyaksikan upacara serah tugas Pengarah Negeri Sabah daripada En. Suhaili Sudin kepada YBhg. Datuk Hajam Lajah Alam yang akan memegang portfolio tersebut berkuatkuasa mulai 1 Januari 2019. Dikesempatan berada di Kota Kinabalu juga, Dato' Sri Sabin turut mengambil peluang bersama-sama mempromosikan PKPS dengan mengedarkan risalah program tersebut kepada pengunjung yang hadir di Pejabat LHDNM Kota Kinabalu.

Menurut Dato' Sri Sabin lagi, Program Khas Pengakuan Sukarela yang bermula pada 3 November 2018 dan akan tamat pada 30 Jun 2019, menawarkan kadar penalti yang sangat rendah iaitu hanya 10 peratus dan 15 peratus berbanding kadar penalti asal yang lebih tinggi iaitu 80 peratus sehingga 300 peratus bermula 1 Julai 2019. Pengakuan sukarela yang dibuat juga akan diterima secara suci hati tanpa semakan lanjut oleh LHDNM. **Sehubungan itu LHDNM menyeru semua pembayar cukai di Sabah yang mempunyai isu pematuhan cukai agar merebut tawaran menarik yang disediakan oleh LHDNM ini.**

Pengakuan sukarela ini boleh dibuat di mana-mana pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia di seluruh negara. Sebagai rujukan dan maklumat lanjut, pembayar cukai boleh melawati portal rasmi LHDNM di pautan [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my) atau klik di pautan [www.hasil.gov.my/pdf/pdfam/GO\\_012018\\_01.pdf](http://www.hasil.gov.my/pdf/pdfam/GO_012018_01.pdf) untuk memuat turun Garis Panduan Operasi Bilangan 1 Tahun 2018 yang bertajuk "Program Khas Pengakuan Sukarela".

Sebarang pertanyaan mengenai pengakuan sukarela ini boleh diajukan kepada Hasil Careline di talian 1-800-88-5436 atau 603-7713 6666 (Luar Negara) atau e-mel [pengakuansukarela@hasil.gov.my](mailto:pengakuansukarela@hasil.gov.my).

Dalam majlis tersebut juga Dato' Sri Sabin turut mengumumkan kutipan cukai langsung untuk Negeri Sabah sehingga bulan November 2018 berjumlah RM3.666 bilion. Angka ini menunjukkan peningkatan sebanyak 1.53% berbanding kutipan dalam tempoh yang sama pada tahun 2017.



Gambar 1 : Upacara serah tugas Pengarah Negeri Sabah daripada En. Suhaili Sudin (kanan gambar) kepada YBhg. Datuk Hajam Lajah Alam (kiri gambar).



Gambar 2 : YBhg. Dato' Sri Sabin Samitah mengedarkan risalah Program Khas Pengakuan Sukarela kepada pembayar cukai yang berkunjung di kaunter LHDNM.



Gambar 3 : YBhg. Dato' Sri Sabin Samitah sedang memberikan penerangan ringkas kepada pembayar cukai mengenai Program Khas Pengakuan Sukarela.

# # #

**SEKIAN, TERIMA KASIH**

**Moving**  **Towards**  
Together Excellence

---

**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658 / 21674 | 📠 : 03-8313 7873  
Hasil Care Line : 1-800-88-5436 (LHDN)  
Portal Rasmi : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

**Tarikh: 21 Disember 2018**

Kenyataan Media LHDNM, 21 Disember 2018